BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref. No.: 03/08/06

EMBARGO: Untuk siaran segera pada hari Rabu, 26 Mac 2008

SIARAN AKHBAR
LAPORAN TAHUNAN BANK NEGARA MALAYSIA 2007

Ekonomi Malaysia pada Tahun 2007

Pada tahun 2007, pertumbuhan ekonomi Malaysia terus kukuh meskipun persekitaran luar negeri lemah. Permintaan dalam negeri yang kukuh, dipacu oleh aktiviti perbelanjaan penggunaan dan pelaburan swasta yang teguh, meningkatkan pertumbuhan keluaran dalam negeri kasar (KDNK) benar kepada 6.3% (2006: 5.9%). Ini diperteguh oleh peningkatan perbelanjaan sektor awam. Pertumbuhan adalah menyeluruh, mencerminkan pengembangan dalam kesemua sektor dalam ekonomi, dan didorong terutamanya oleh sektor perkhidmatan.

Permintaan dalam negeri agregat meningkat dengan kukuh sebanyak 10.5% pada tahun 2007 (2006: 7%). Sektor swasta terus menjadi pemacu utama pertumbuhan. Penggunaan swasta meningkat pada kadar lebih pantas sebanyak 11.7% (2006: 7.1%), disokong oleh kenaikan dalam pendapatan boleh guna yang

mapan, keadaan pasaran pekerja yang stabil serta keadaan pembiayaan yang menggalakkan. Harga komoditi, khususnya harga minyak sawit mentah dan getah, yang lebih tinggi, mendorong kenaikan pendapatan boleh guna sektor isi rumah di kawasan luar bandar. Di samping itu, pelarasan gaji yang menaik bagi kakitangan awam memperkukuh lagi penggunaan pada separuh tahun kedua. Pelaburan swasta juga meningkat dengan lebih pantas pada kadar pertumbuhan kukuh sebanyak 12.3% (2006: 7%), dengan perbelanjaan modal dalam kebanyakan sektor ekonomi bertambah giat dalam keadaan sentimen perniagaan yang positif. Perbelanjaan modal diperkukuh oleh aliran masuk pelaburan langsung asing (foreign direct investment, FDI) dan kedudukan kewangan syarikat yang kukuh hasil daripada pendapatan korporat yang teguh. Kerajaan terus memainkan peranan penting dalam menyokong dan menggalakkan aktiviti sektor swasta. Dalam Bajet 2007, Kerajaan memperkenalkan pengurangan kadar cukai korporat sebanyak dua mata peratusan dalam dua peringkat, kepada 27% pada tahun 2007 dan 26% pada tahun 2008. Langkah ini membantu mengurangkan lagi kos menjalankan perniagaan dan memberikan keupayaan yang lebih besar kepada syarikat untuk menambahkan perbelanjaan modal. Pelaburan awam naik pada kadar yang menyokong pertumbuhan ekonomi sebanyak 8%, sementara penggunaan awam meningkat dengan stabil sebanyak 6.4%.

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (perubahan, %)

	2006	2007*a*
Keluaran Dalam Negeri Kasar	5.9	6.3
Perbelanjaan sektor swasta[1]	7.0	11.8
Penggunaan	7.1	11.7
Pelaburan	7.0	12.3
Perbelanjaan sektor awam[1]	6.8	7.2
Penggunaan	5.0	6.4
Pelaburan	8.9	8.0
Eksport barangan dan perkhidmatan bersih	0.1	0.9
Eksport	7.4	3.7
Import	8.6	4.1

[1] Tidak termasuk stok

a Awalan

Pertumbuhan keseluruhan yang kukuh pada tahun 2007 mencerminkan pertumbuhan dalam kesemua sektor ekonomi. Pertumbuhan didorong oleh prestasi kukuh sektor perkhidmatan dan disokong oleh sektor pembinaan dan perlombongan. Pertumbuhan kukuh sektor perkhidmatan sebanyak 9.7% (2006: 7.2%) mencerminkan kepentingan sektor ini yang makin meningkat sebagai penyumbang kepada pertumbuhan, dengan mencakupi lima mata peratusan daripada jumlah pertumbuhan KDNK benar pada tahun 2007. Pertumbuhan sektor perkhidmatan disokong oleh kekukuhan permintaan dalam negeri dan aktiviti pelancongan yang mendapat rangsangan daripada promosi Tahun Melawat Malaysia 2007. Yang penting, prestasi sektor perkhidmatan yang kukuh ini adalah menyeluruh, dengan pendorong utama terdiri daripada subsektor harta tanah dan perkhidmatan perniagaan; kewangan dan insurans; komunikasi; dan perdagangan borong dan runcit.

Setelah mengalami kemerosotan selama tiga tahun berturut–turut, sektor pembinaan pulih kembali untuk mencatat pertumbuhan sebanyak 4.6% (2006: -0.5%), didorong terutamanya oleh subsektor kejuruteraan awam, sektor minyak dan gas, serta pengembangan dalam subsektor bukan kediaman dan kediaman. Subsektor kejuruteraan awam mendapat rangsangan daripada pelaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9). Sektor perlombongan juga meningkat semula untuk mencatat pertumbuhan sebanyak 3.2% (2006: -0.4%) diterajui oleh pengeluaran minyak mentah yang meningkat berikutan bermulanya pengeluaran telaga minyak Kikeh. Sektor perkilangan dan pertanian pula mencatat pengembangan lebih sederhana pada tahun 2007. Sektor perkilangan mengembang 3.1% (2006: 7.1%). Permintaan luar negeri yang lembap menyebabkan pengurangan dalam pengeluaran dan eksport keluaran elektronik dan elektrik, khususnya pada separuh tahun pertama. Namun, memandangkan struktur sektor perkilangan yang adalah meluas, secara relatif impak

KDNK Mengikut Sektor Ekonomi (perubahan, %)

	2006	2007*a*
KDNK Benar	5.9	6.3
Pertanian	5.2	2.2
Perlombongan & Kuari	-0.4	3.2
Perkilangan	7.1	3.1
Pembinaan	-0.5	4.6
Perkhidmatan	7.2	9.7

a Awalan

daripada perkembangan tersebut terhadap aktiviti sektor ini secara keseluruhan telah dikurangkan oleh pertumbuhan mampan dalam industri berorientasikan dalam negeri dan industri berasaskan sumber. Sektor pertanian pula meningkat 2.2% pada tahun 2007 (2006: 5.2%), hasil sumbangan aktiviti berkaitan makanan, khususnya ternakan, padi dan sayur-sayuran. Prestasi kukuh dalam aktiviti berkaitan makanan telah lebih daripada mengimbangi prestasi lembap tanaman industri utama, iaitu minyak sawit mentah dan getah, yang terjejas oleh kitaran hasil pengeluaran yang menurun dan keadaan cuaca yang buruk.



Nota: Pelarasan belum dibuat untuk perkhidmatan pengantaraan kewangan yang diukur secara tidak langsung yang tidak diagihkan dan duti import.

Kadar purata inflasi keseluruhan yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP) lebih rendah pada 2% pada tahun 2007 (2006: 3.6%). Tahap inflasi ini berada dalam julat ramalan Bank Negara Malaysia sebanyak 2.0 – 2.5%. Antara komponen IHP, kenaikan harga dalam kategori makanan dan minuman tidak beralkohol merupakan penyumbang utama, mencakupi 47.1% daripada kadar inflasi keseluruhan. Meskipun faktor penawaran terus penting, sumbangannya kepada inflasi keseluruhan menjadi sederhana, memandangkan impak awal pelarasan terhadap harga yang ditadbir semakin berkurang pada suku

pertama tahun 2007. Ketiadaan pelarasan harga yang besar untuk barangan harga yang ditadbir pada tahun itu juga mengurangkan impak faktor penawaran terhadap harga dalam negeri.

Inflasi dan Pengangguran

	2006	2007
Inflasi Purata (% perubahan)		
IHP (2005=100)	3.6	2.0
IHP Teras[1]	2.1	1.8
Pengangguran (% daripada tenaga pekerja)	3.3	3.3

[1] Tidak termasuk barangan harga tertadbir, barangan harga mudah ubah serta barangan yang tertakluk kepada pelarasan harga satu kali

Kedudukan sektor luar negeri Malaysia menjadi kukuh pada tahun 2007. Akaun semasa mencatat lebihan yang lebih besar sebanyak RM99.3 bilion atau 15.8% daripada PNK (2006: RM93.4 bilion atau 16.8% daripada PNK), sementara aliran keluar bersih dalam akaun kewangan menjadi sederhana. Lebihan perdagangan terus besar, hasil daripada pertumbuhan kukuh eksport komoditi yang sebahagiannya mengimbangi permintaan terhadap eksport perkilangan yang lebih lemah. Sementara itu, prestasi akaun perkhidmatan dan akaun pendapatan bertambah baik. Buat julung kalinya, akaun perkhidmatan mencatat lebihan, iaitu sebanyak RM1 bilion atau 0.2% daripada PNK disebabkan terutamanya oleh perolehan pelancongan dan pengangkutan yang lebih tinggi. Keuntungan dan dividen yang lebih tinggi yang terakru kepada syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri serta pulangan lebih besar daripada rizab antarabangsa menyebabkan defisit akaun pendapatan yang lebih rendah. Dalam akaun kewangan, prospek ekonomi dan sentimen pelabur yang bertambah baik menyumbang kepada aliran masuk bersih FDI dan pelaburan portfolio yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, aliran masuk ini diimbangi oleh peningkatan pelaburan langsung luar negeri oleh syarikat Malaysia, dan aliran keluar bersih pelaburan lain.

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia bersih meningkat RM45.3 bilion kepada RM335.7 bilion (bersamaan dengan USD101.3 bilion) pada 31 Disember

2007, selepas pelarasan bagi kesilapan dan ketinggalan, yang termasuk pengurangan nilai rizab antarabangsa hasil daripada penilaian semula rizab berikutan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang utama. Pada 14 Mac 2008, rizab meningkat lagi kepada RM393.2 bilion (USD119.1 bilion). Kedudukan rizab ini memadai untuk membiayai 9.8 bulan import tertangguh dan ialah 7.2 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Keadaan Monetari dan Kewangan pada Tahun 2007

Keadaan monetari dan kewangan terus memberangsangkan pada tahun 2007. Walaupun mengalami beberapa tempoh ketidaktentuan dalam aliran modal selari dengan sentimen yang turun naik sebagai tindak balas kepada perkembangan dalam pasaran kewangan global, pasaran kewangan dalam negeri masih berdaya tahan, hasil sokongan asas-asas makroekonomi yang kukuh.

Dalam usaha mencapai objektif mengekalkan kestabilan harga dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang mampan, dasar monetari pada tahun 2007 menghadapi dua cabaran, iaitu tekanan inflasi yang berpunca daripada harga komoditi dan bahan makanan global yang menjadi bertambah tinggi, dan peningkatan risiko pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan ekoran ketidakstabilan pasaran kewangan global. Permintaan dalam negeri banyak membantu ekonomi negara menjadi lebih berdaya tahan, namun sebagai sebuah ekonomi yang kecil dan sangat terbuka, Malaysia tidak dapat berlindung daripada kesan perkembangan di luar negara. Peningkatan ketidakpastian dalam pasaran kewangan utama khususnya dalam sistem kewangan Amerika Syarikat (AS) pada tahun 2007, telah menimbulkan banyak kemungkinan mengenai prospek pertumbuhan dan inflasi. Penilaian keseluruhan ialah risiko terhadap pertumbuhan

dan inflasi di Malaysia adalah agak seimbang. Keadaan monetari semasa dinilai sebagai selaras dengan prospek pertumbuhan dan inflasi jangka sederhana. Oleh itu, Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) dikekalkan dalam kesemua lapan mesyuarat dasar pada tahun tersebut.

Dengan OPR tidak berubah pada 3.50% sepanjang tahun 2007, keadaan monetari dinilai sebagai menyokong aktiviti ekonomi. Bank Negara Malaysia mengendalikan operasi monetari untuk menstabilkan kadar antara bank semalaman purata sekitar OPR. Perubahan dalam kadar pasaran wang domestik lain serta kadar faedah runcit didorong terutamanya oleh faktor pasaran. Sementara kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan tidak berubah pada 6.72%, kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) bagi pinjaman terkumpul dan kadar pinjaman bagi pinjaman baharu menurun. Trend menurun kadar pinjaman mencerminkan bekalan dana boleh dipinjamkan yang lebih daripada mencukupi, serta persaingan antara bank yang lebih sengit.



Dalam persekitaran mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dan kos meminjam yang rendah, jumlah pembiayaan bersih yang disalurkan kepada ekonomi, merangkumi sektor awam dan swasta, meningkat pada kadar yang lebih tinggi sebanyak 9.3% (2006: 6.1%). Dari segi pembiayaan untuk sektor swasta, terdapat permintaan yang lebih tinggi untuk pembiayaan daripada sektor perniagaan dan sektor isi rumah bagi menyokong aktiviti pelaburan dan penggunaan. Penyatuan dan pengambilalihan syarikat serta aktiviti penswastaan, dan juga pelaksanaan projek di bawah RMKe-9, memberikan dorongan tambahan kepada pertumbuhan pembiayaan pada tahun tersebut.

Pembiayaan yang lebih tinggi kepada sektor perniagaan dilihat dari segi pinjaman bank dan dana yang diperoleh daripada pasaran modal. Pinjaman bank sebahagian besarnya digunakan untuk membiayai modal kerja, manakala perolehan daripada pasaran modal pula digunakan untuk membiayai pelaburan modal. Dari segi pembiayaan kepada sektor isi rumah, terdapat peningkatan semula dalam pinjaman bank disebabkan oleh pendapatan yang lebih tinggi, prospek pekerjaan yang stabil dan pengenalan pelbagai inisiatif Kerajaan bagi sektor harta kediaman. Yang penting, kegawatan dalam pasaran kewangan global pada separuh kedua tahun 2007 tidak memberikan kesan yang besar terhadap aktiviti pembiayaan dalam negeri. Institusi perbankan tidak mempunyai dedahan langsung kepada sekuriti yang bersandarkan gadai janji subprima AS, dan dengan keadaan mudah tunai yang berlebihan serta kedudukan modal yang kukuh, telah mengurangkan implikasi terhadap sistem kewangan domestik. Pasaran bon terus memberangsangkan, dengan beberapa terbitan besar yang menjana jumlah perolehan dana tahunan terbesar sehingga kini, iaitu sebanyak RM66.5 bilion (2006: RM30.7 bilion).

Aliran perdagangan dan pelaburan dua hala yang kukuh terus mempengaruhi prestasi ringgit berbanding dengan mata wang utama dan serantau pada tahun 2007. Permintaan terhadap ringgit berpunca daripada imbangan perdagangan bersih yang positif, aliran masuk pelaburan langsung yang mampan dan penghantaran balik keuntungan dan dividen yang besar oleh syarikat Malaysia yang

melabur di luar negara. Permintaan terhadap ringgit bertambah dengan aliran masuk portfolio yang besar khususnya ke dalam pasaran ekuiti, apabila jangkaan pertumbuhan perolehan yang kukuh dan penambahan nilai mata wang selanjutnya telah menyebabkan ekuiti Malaysia diberikan penarafan semula. Faktor-faktor ini telah diimbang balas sebahagiannya oleh permintaan terhadap mata wang asing untuk membiayai pelaburan keluar langsung dan pelaburan portfolio yang lebih besar, pembayaran balik dan prabayaran pinjaman luar negeri oleh sektor awam dan swasta, serta penghantaran balik keuntungan dan dividen oleh bukan pemastautin. Trend ringgit yang secara umum positif ini juga diselangi oleh beberapa peristiwa kewangan global pada tahun itu, seperti pembetulan ekuiti global pada suku pertama dan kegawatan berkaitan gadai janji subprima AS pada suku ketiga.



Keadaan tidak teratur dalam pasaran kewangan global juga menyumbang kepada sedikit ketidaktentuan dalam kadar hasil pasaran bon ringgit. Pergerakan kadar hasil bon juga dipengaruhi oleh jangkaan bahawa ringgit akan menjadi lebih

kukuh dan perubahan dalam jangkaan inflasi pada tahun 2007. Meskipun mengalami beberapa tempoh ketidaktentuan, Indeks Komposit Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Composite Index, KLCI) terus berdaya tahan pada tahun 2007. KLCI terus meningkat dan mencapai beberapa paras tertinggi baharu sehingga mencecah 1,445.03 mata pada akhir tahun, dengan peningkatan sebanyak 31.8% pada tahun 2007. KLCI disokong oleh asas-asas makroekonomi yang teguh, perolehan korporat yang kukuh dan harga komoditi yang lebih tinggi.

Pada tempoh kebalikan sementara aliran modal, pelunasan dalam operasi pensterilan terkumpul sedia ada memudahkan pelarasan yang teratur dalam pasaran wang dan kewangan. Tindak balas monetari yang pantas dan fleksibel dalam menangani aliran keluar yang besar, khususnya dalam tempoh bulan Ogos-September dapat diambil disebabkan oleh penggunaan pelbagai instrumen monetari dengan struktur tempoh matang purata yang pendek.

Tinjauan dan Prospek Ekonomi Malaysia pada Tahun 2008

Selepas mencatat pertumbuhan kukuh pada tahun 2007, kadar pertumbuhan global dijangka menjadi sederhana kepada 3.7% pada tahun 2008 (4.7% pada tahun 2007). Meskipun aktiviti ekonomi dijangka sederhana dalam ekonomi negara maju, momentum pertumbuhan di Asia dan dalam ekonomi sedang pesat membangun yang lain dijangka terus kukuh. Prospek pertumbuhan global akan bergantung terutamanya pada kedalaman dan tempoh kelembapan ekonomi AS dan kesannya terhadap ekonomi global, di samping sejauh mana impak kegagalan proses pengantaraan pasaran kewangan terhadap bahagian dunia yang lain. Inflasi dijangka terus tinggi berikutan harga komoditi dan bahan makanan yang berterusan tinggi. Walaupun perkembangan ini mempunyai kesan yang melembapkan terhadap ekonomi di rantau Asia, pertumbuhan di rantau ini akan terus disokong oleh permintaan dalam negeri dan momentum pertumbuhan yang kukuh dalam ekonomi sedang pesat membangun yang utama di rantau ini, khususnya China dan India.

Harga komoditi yang tinggi akan menambah dorongan pertumbuhan dalam beberapa ekonomi pengeluar komoditi.

Walau bagaimanapun, prospek global dan serantau diselubungi oleh ketidakpastian yang agak ketara. Sekiranya berlaku tempoh pertumbuhan di bawah trend yang berlarutan dalam ekonomi AS, dan diiringi oleh kelembapan yang lebih buruk dalam ekonomi perindustrian lain, impak terhadap pertumbuhan seluruh rantau ini akan menjadi lebih besar kerana hubungan perdagangan dengan ekonomi maju masih kukuh. Satu lagi risiko ialah impak daripada gangguan yang berlaku dalam perjalanan pasaran kewangan dan keupayaan untuk menyalurkan modal dengan efektif. Perkembangan selanjutnya yang mengekang kredit dalam ekonomi yang terjejas boleh mencetuskan ketidaktentuan pasaran kewangan yang lebih meluas dan menjejaskan sentimen perniagaan dan pengguna, di samping berkemungkinan memanjangkan tempoh kelembapan aktiviti ekonomi.

Dari segi ekonomi dalam negeri, daya tahan ekonomi Malaysia untuk mengharungi kelembapan dalam ekonomi global telah menjadi lebih kukuh sejak beberapa tahun lalu. Ini disebabkan oleh beberapa faktor. Pertama, permintaan dalam negeri telah muncul sebagai pendorong utama pertumbuhan. Kedua, pasaran eksport Malaysia semakin pelbagai, dengan hampir 54% daripada jumlah eksport adalah ke ekonomi Asia (tidak termasuk Jepun) (2001: 46.2%). Sementara itu, bahagian eksport Malaysia ke AS berkurang kepada 15.6% pada tahun 2007 daripada 20.2% pada tahun 2001. Oleh itu, meskipun pertumbuhan global dijangka menjadi sederhana pada tahun 2008, terutamanya disebabkan oleh pertumbuhan yang lebih perlahan di AS dan sebahagiannya di Eropah dan Jepun, prospek garis dasar (baseline) pertumbuhan ekonomi yang kukuh di rantau Asia dan ekonomi sedang pesat membangun lain akan menyokong sektor eksport. Ketiga, Malaysia sebagai pengeluar komoditi akan terus mendapat manfaat daripada harga minyak mentah, minyak sawit dan getah yang tinggi. Selain itu, asas kukuh sektor komoditi juga akan membantu untuk terus memperkukuh rantaian dengan aktiviti hiliran, termasuk industri berasaskan sumber yang akan terus mendapat manfaat daripada

permintaan dalam negeri yang kukuh dan juga permintaan daripada ekonomi serantau.

Berdepan dengan persekitaran ini, prospek ekonomi Malaysia terus menggalakkan dengan KDNK diramalkan berkembang 5 – 6% pada tahun 2008. Permintaan dalam negeri dijangka terus berdaya tahan lantas memberikan sokongan kukuh kepada ekonomi. Faktor-faktor asas utama yang menyokong aktiviti sektor swasta dalam negeri dijangka secara amnya terus utuh pada tahun 2008. Penggunaan swasta akan disokong oleh pertumbuhan pendapatan yang stabil, keadaan pasaran pekerja yang teguh, harga komoditi yang tinggi dan persekitaran pembiayaan yang kondusif. Kepelbagaian dan tahap pelaburan dalam negeri dan pelaburan langsung asing yang tinggi yang diluluskan sejak beberapa tahun kebelakangan ini, khususnya dalam sektor perkilangan, perkhidmatan, dan minyak dan gas, menunjukkan bahawa aktiviti pelaburan swasta akan terus kukuh pada tahun 2008. Selain itu, pelaburan swasta juga akan mendapat manfaat daripada pelaksanaan langkah-langkah untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih baik, termasuk pengurangan kadar cukai korporat, dan juga pelaksanaan projek-projek di bawah RMKe-9 dan koridor ekonomi yang lebih giat. Sektor awam akan terus menyokong pertumbuhan dengan memudahkan pelaksanaan projek-projek ini secara yang cekap.

KDNK Benar Mengikut Perbelanjaan

	2008*r*	
	Perubahan tahunan (%)	Sumbangan kepada pertumbuhan KDNK benar (mata peratusan)
Permintaan dalam negeri[1]	**5.6**	**4.9**
Perbelanjaan sektor swasta	6.5	4.1
Penggunaan	*6.5*	*3.3*
Pelaburan	*6.3*	*0.8*
Perbelanjaan sektor awam	3.5	0.8
Penggunaan	*6.0*	*0.8*
Pelaburan	*0.5*	*0.1*
Perubahan dalam stok		**1.8**
Eksport bersih barangan dan perkhidmatan	**-8.4**	**-1.3**
Eksport	0.9	1.1
Import	2.3	2.4
Keluaran Dalam Negeri Kasar Benar	**5.0 ~ 6.0**	

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

[1] Tidak termasuk stok

r Ramalan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Dari segi penawaran, sektor perkhidmatan akan terus memacu pertumbuhan, dan diperkukuh oleh pertumbuhan yang lebih tinggi dalam sektor pembinaan dan komoditi. Pertumbuhan sektor perkhidmatan akan disokong oleh penggunaan swasta yang berdaya tahan dan aktiviti pelancongan yang kukuh, manakala pertumbuhan sektor pembinaan pula akan disokong oleh pelaksanaan projek-projek di bawah RMKe-9 dan pelaburan dalam sektor minyak dan gas. Sektor pertanian dan perlombongan akan melalui pertumbuhan yang lebih kukuh berikutan jangkaan pengeluaran yang lebih tinggi masing-masing bagi minyak sawit mentah dan getah, serta minyak mentah. Walau bagaimanapun, sektor perkilangan dijangka mencatat

pengembangan yang sederhana dalam keadaan permintaan luar negeri yang lemah, khususnya dari AS. Namun begitu, permintaan dalam negeri yang kukuh dan pertumbuhan ekonomi serantau akan menyokong pertumbuhan dalam industri berorientasikan dalam negeri dan industri berasaskan sumber tertentu, sekali gus mengurangkan sebahagian daripada risiko pertumbuhan yang lebih rendah ekoran unjuran kelembapan industri elektronik dan elektrik (E&E).

KDNK Benar mengikut Sektor

	2008*r*
Pertanian	3.4
Perlombongan	6.0
Perkilangan	1.8
Pembinaan	5.5
Perkhidmatan	7.7
KDNK Benar	**5.0 ~ 6.0**

r Ramalan
Sumber: Bank Negara Malaysia

Dari segi sektor luar negeri, sejajar dengan ekonomi global yang perlahan, eksport dan import dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih perlahan, masing-masing sebanyak 1.8% dan 1.4% pada tahun 2008. Walau bagaimanapun, lebihan akaun semasa dijangka terus tinggi pada 14.4% daripada PNK. Lebihan besar dalam akaun semasa akan disokong terutamanya oleh imbangan perdagangan yang terus tinggi yang disokong oleh eksport komoditi dan keluaran bukan E&E yang kukuh. Lebihan ini diperkukuh oleh lebihan berterusan dalam akaun perkhidmatan disebabkan oleh peningkatan perolehan daripada aktiviti pelancongan. Akaun kewangan juga dijangka terus menggalakkan, disokong terutamanya oleh aliran masuk FDI yang berterusan.

Pertumbuhan pada tahun 2008 akan terus disokong oleh permintaan dalam negeri yang kukuh dalam persekitaran permintaan luar negeri yang lemah. Kesemua sektor ekonomi dijangka mencatat pertumbuhan positif. Sekiranya persekitaran luar

negeri mengalami kelembapan yang teruk, Malaysia mempunyai dasar-dasar untuk mengurangkan implikasinya terhadap ekonomi negara.

Dari segi prospek inflasi dalam negeri, inflasi keseluruhan purata dijangka berada dalam lingkungan 2.5 - 3.0%, dengan masih terdapat risiko inflasi yang lebih tinggi dan berpunca daripada tekanan harga dari luar negeri. Terdapat banyak ketidakpastian berhubung harga global bagi komoditi dan bahan makanan. Harga minyak mentah global terus tinggi. Walaupun harga bahan api dalam negeri sebahagiannya ditampung oleh subsidi Kerajaan, kesan harga minyak mentah global yang tinggi yang dipindahkan melalui rangkaian bekalan bagi input barangan import lain dan akhirnya dipindahkan kepada harga pengguna perlu dipantau dengan rapi. Sementara itu, harga bahan makanan dunia juga dipengaruhi oleh perkembangan kitaran dan struktur. Bagi bahan makanan yang tidak berada di bawah sebarang bentuk kawalan, kemampuan pengeluar untuk memindahkan kenaikan kos kepada harga pengguna banyak bergantung pada kekuatan permintaan penggunaan dan sejauh mana pengguna menggantikan barangan yang lebih mahal dengan barangan yang lebih murah. Dasar Kerajaan untuk memastikan bekalan bahan-bahan asas yang cukup akan membantu mengurangkan tekanan harga berbentuk spekulasi atas bahan-bahan tersebut. Dengan ekonomi dijangka berkembang di bawah potensinya, kapasiti lebihan yang ada juga akan mengurangkan tekanan terhadap harga. Satu faktor tambahan yang mengimbang balas risiko tekanan harga yang lebih tinggi ialah pertumbuhan ekonomi global yang lebih lemah, yang mungkin boleh membendung kenaikan harga komoditi global.



Pengurusan Ekonomi dan Monetari pada Tahun 2008

Asas-asas ekonomi yang kukuh meletakkan ekonomi Malaysia pada kedudukan yang teguh untuk menghadapi perkembangan global yang tidak dijangka. Pihak berkuasa juga mempunyai pelbagai pilihan dasar untuk bertindak balas tepat pada masanya seperti yang diperlukan untuk menangani risiko pertumbuhan yang lebih perlahan sekiranya ia muncul, dan dengan itu menggalakkan pertumbuhan ekonomi dalam negeri.

Bajet 2008 mengetengahkan pelbagai langkah cukai dan bukan cukai yang meluas untuk mempertingkatkan daya saing negara, memperkasakan pembangunan modal insan dan menjamin kesejahteraan rakyat Malaysia. Sejumlah besar daripada perbelanjaan pembangunan akan disalurkan kepada sektor pertanian dan untuk infrastruktur, serta pendidikan, kesihatan dan perumahan. Dasar fiskal pada tahun 2008 telah menumpukan pada usaha untuk mempercepat pelaksanaan projek dan program yang telah dikenal pasti di bawah RMKe-9. Kedudukan kewangan keseluruhan Kerajaan Persekutuan dijangka bertambah kukuh pada tahun 2008. Jangkaan peningkatan dalam hasil keseluruhan, ekoran daripada peningkatan kecekapan dalam kutipan hasil dan peningkatan pendapatan berkaitan minyak, akan membolehkan Kerajaan Persekutuan meningkatkan perbelanjaan, di samping mengurangkan defisit bajet kepada 3.1% daripada KDNK pada tahun 2008 (3.2% pada tahun 2007).

Fokus dasar monetari pada tahun 2008 adalah pada usaha mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi dan juga mengekalkan kestabilan harga dalam jangka sederhana. Dalam merumuskan dasar monetari, Bank Negara Malaysia akan terus memandang ke hadapan dan akan menimbang kesan perkembangan terkini terhadap inflasi dan pertumbuhan. Risiko terhadap inflasi dan pertumbuhan pada masa ini agak seimbang. Walau bagaimanapun, pertumbuhan global yang lebih perlahan mungkin dapat melegakan tekanan terhadap harga global komoditi

dan bahan makanan. Dasar monetari pada masa ini adalah akomodatif. Namun demikian, perlu diberi perhatian bahawa dasar monetari terutamanya ialah alat pengurusan permintaan, dan dengan itu ia mempunyai pengaruh yang terhad dari segi keupayaan untuk mengurangkan tekanan harga tolakan kos yang berpunca daripada kenaikan harga global bagi bahan makanan dan komoditi. Tambahan lagi, dasar lain adalah lebih sesuai dalam menangani faktor struktur atau faktor dorongan penawaran yang mempengaruhi inflasi.

Cabaran seterusnya mungkin wujud dalam bentuk aliran modal yang lebih kerap, besar dan tidak menentu, yang akan mempengaruhi kadar pertukaran mata wang, mudah tunai dalam negeri dan harga aset. Antara faktor yang mendorong aliran yang tidak menentu seumpama itu ialah sentimen pasaran yang pesat berubah, pencarian pulangan yang lebih tinggi dan perubahan premium risiko secara tiba-tiba. Menyedari hal ini, Bank Negara Malaysia semakin menambahkan rangkaian instrumennya untuk menguruskan aliran itu dan mempertingkatkan mekanisme pengawasan bagi memastikan aliran seumpama itu tidak akan mengganggu kelicinan perjalanan sistem kewangan dan ekonomi. Dari segi jenis instrumen yang digunakan dalam operasi monetari, walaupun peminjaman langsung tanpa cagaran dan penerimaan penempatan deposit berlandaskan Syariah di bawah konsep Al-Wadiah terus mencakupi bahagian terbesar instrumen monetari terkumpul, penggunaan peminjaman langsung tidak diberikan penekanan kerana Bank Negara Malaysia memilih untuk menerbitkan lebih banyak Nota Monetari Bank Negara (Bank Negara Monetary Notes, BNMN) untuk terus membangunkan pasaran sekuriti hutang ringgit jangka pendek. Pada tahun 2007, versi kadar terapung BNMN diperkenalkan yang membolehkan Bank menerbitkan, dan pelabur membeli sekuriti hutang pada tempoh matang lebih panjang tanpa mengambil sebarang risiko kadar faedah jangka panjang, lantaran menambah lagi kepelbagaian dan fleksibiliti instrumen itu. Dalam pasaran wang Islam, perkembangan penting untuk meningkatkan kecekapan pengurusan mudah tunai ialah pelaksanaan Program Murabahah Komoditi.

Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia yang Diaudit bagi Tahun 2007

Kedudukan kewangan Bank Negara Malaysia bagi tahun 2007 telah diperiksa dan disahkan oleh Ketua Audit Negara. Jumlah aset Bank Negara Malaysia meningkat kepada RM424.9 bilion pada akhir tahun 2007 (akhir tahun 2006: RM323 bilion). Peningkatan ketara dalam aset disebabkan oleh peningkatan dalam rizab antarabangsa. Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia meningkat kepada RM335.7 bilion (USD101.3 bilion) pada akhir tahun 2007. Bank Negara Malaysia mencatat keuntungan sebanyak RM6.6 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007 dan mengisytiharkan dividen sebanyak RM1.5 bilion kepada Kerajaan bagi tahun 2007.

Bank Negara Malaysia
26 Mac 2008